

LATIHAN UJI DIRI PENGGAL SATU

Perayaan dan Budaya Masyarakat Setempat

A Baca petikan dan catat maklumat. [1.2.2] **KUAT** Mendengar

Pesta Kuih Bulan juga dikenali sebagai Perayaan Pertengahan Musim Luruh. Pesta ini disambut oleh masyarakat Cina. Pesta ini diraikan pada hari kelima belas dalam bulan lapan. Hidangan istimewa pada pesta ini ialah kuih bulan.

Aktiviti-aktiviti yang dilakukan semasa Pesta Kuih Bulan ialah mengunjungi tokong dan berkumpul bersama keluarga. Mereka juga membuat kuih bulan dan memberi kuih bulan kepada kaum keluarga. Selain itu, mereka juga menggantung tanglung.



AKTIVITI-AKTIVITI SEMASA PESTA KUIH BULAN

1

2

3

4

5

B Nomborkan ayat berdasarkan gambar. Kemudian, salin ayat-ayat dalam bentuk perenggan. [3.3.1 (i)] **THINK-PAIR-SHARE**



Mereka melilit lampu-lampu kecil di sekeliling pokok Krismas.

Ayah Aaron menyalakan lampu pada pokok Krismas.

Keluarga Aaron menghias pokok Krismas itu dengan cantik.

Ayah Aaron meletakkan pokok Krismas di sudut rumah.

Aaron menyusun hadiah-hadiah di bawah pokok Krismas.

A Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Pesta Kaamatan Tahun Baharu Cina Hari Deepavali
Pesta Kuih Bulan perayaan Ponggal

1



Hui Jia mendapat angpau semasa _____

2 Puan Karyani memasak susu di dalam periuk tanah ketika _____




3



Kaum Kadazan menyambut _____
_____ sebagai tanda bersyukur.

4 Neyna dan ibunya membuat kolam di halaman rumah semasa _____



5



Yeo Lee dan keluarganya makan kuih bulan semasa _____